

## PENGUKUHAN BAHASA ARAB DAN FIQH DALAM PEMERKASAAN INSTITUSI IMAM

Md Noor Bin Hussin<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Md. Noor Hussin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Email: [mdnoor@kuis.edu.my](mailto:mdnoor@kuis.edu.my)

### Abstrak

Bahasa Arab dan Fiqh merupakan antara bidang ilmu yang perlu dikuasai oleh imam-imam masjid dan surau dalam melaksanakan tugas mereka terhadap anak-anak kariah atau masyarakat. Selaras dengan kepentingan masjid yang menjadi institusi penting dalam pembangunan masyarakat, intitusi Imam yang banyak berinteraksi langsung dengan masyarakat mempunyai peranan yang sangat besar dan berpengaruh di kalangan mereka. Justeru, intitusi Imam perlu diperkasakan dengan dalam pelbagai aspek untuk memenuhi keperluan pentadbiran dan pengurusan anak-anak kariah dan masyarakat khususnya yang berkaitan dengan kefahaman Ilmu-ilmu Fardhu Ain, seperti Fiqh, Al-Quran, Bahasa Arab dan lain-lain. Sehubungan itu, maqalah ini dikemukakan untuk melihat aspek pemerksaan Imam Masjid dan surau melalui pengukuhan dan penguasaan dalam bidang Bahasa Arab dan Fiqh.

**Kata kunci:** Pengukuhan, Bahasa Arab, Fiqh, Pemerksaan, Institusi Imam

### *(STRENGTHENING THE ARABIC LANGUAGE AND FIQH IN THE EMPOWERING OF THE IMAM INSTITUTIONS)*

### Abstract

*Arabic Language and Fiqh are among the fields of knowledge that should be dominated by the Imams of Mosques and Suraus in carrying out their duties to the member of qaryah or community. In line with the importance of the mosque as an important institution in community development, Imam institutions that interact directly with the community have a very large and influential role among them. Thus, the institution of Imam needs to be strengthened in various aspects to meet the management and development needs of the Qaryah's members and the community, especially those related to the understanding of the*

*Fardhu Ain, such as Fiqh, Al-Quran, Arabic and others. Accordingly, this article is presented to look at the empowerment aspect of the Imam through strengthening and mastery in the field of Arabic and Fiqh.*

**Keywords:** *Strengthening, Arabic Language, Fiqh, Empowering, Imam Institutions.*

Received: April 30, 2021

Accepted: June 9, 2021

Online Published: June 30, 2021

## **1. Pendahuluan**

Bahasa Arab dan Fiqh merupakan antara bidang ilmu yang perlu dikuasai oleh imam-imam Masjid dan Surau dalam melaksanakan tugas mereka terhadap anak-anak kariah atau masyarakat. Selaras dengan kepentingan masjid yang menjadi institusi penting dalam pembangunan masyarakat, institusi imam yang banyak berinteraksi langsung dengan masyarakat mempunyai peranan yang sangat besar dan berpengaruh di kalangan mereka. Justeru, institusi imam perlu diperkasakan dengan dalam pelbagai aspek untuk memenuhi keperluan pentadbiran dan pengurusan anak-anak kariah dan masyarakat khususnya yang berkaitan dengan kefahaman Ilmu-ilmu Fardhu Ain, seperti Fiqh, Al-Quran, Bahasa Arab dan lain-lain.

Sebagai tambahan, Imam-imam yang dilantik bukan hanya terikat di masjid atau surau sahaja, malah imam juga turut bertugas di luar masjid atas keperluan dan jemputan ahli-ahli kariah. Kebiasaannya tugas imam adalah untuk mengetuai solat Jemaah, menyampaikan khutbah dan mengadakan aktiviti-aktiviti mingguan seperti bacaan surah Yaasin, majlis tahlil, doa dan mengadakan kuliah agama. Tugas-tugas ini, sebahagian besarnya melibatkan penggunaan bahasa Arab serta berkaitan dengan persoalan hukum (Ahmad Sa'aduddin Wahab et.al, 2013). Kajian yang telah dijalankan juga mendapati berlaku kesilapan dalam penggunaan bahasa Arab oleh para imam terutamanya dari aspek nahu dan sorof. Sehubungan itu, menjadi satu keperluan untuk melihat lebih mendalam aspek pemeraksanaan imam masjid dan surau melalui pengukuhan dan penguasaan dalam bidang bahasa Arab dan Fiqh.

## **2. Institusi Masjid dan Masyarakat**

Masjid mempunyai peranan dan fungsi yang sangat penting kepada perkembangan syiar Islam sehingga menjadi asas kepada pembinaan sebuah negara Islam yang berdaulat di Madinah Al-Munawwarah (Nor Azlina et al. 2016). Jika dilihat kepada fungsi masjid zaman Rasulullah SAW, ia bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang menjadi rujukan utama berkaitan hal ehwal agama dan menghimpunkan para alim ulamak bagi menyampaikan ajaran Islam. Bahkan ia juga berfungsi sebagai agen sosial dalam sesebuah masyarakat

Mantan Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Haji Nasir Tun Sakaran menyatakan ketika merasmikan penangguhan Konvensyen Masjid Serantau-Forum Silaturahmi Masjid ASEAN Ke-II pada 2007, masjid mempunyai kedudukan amat tinggi

dalam jiwa umat Islam kerana ia melambangkan syiar Islam untuk menyatu padukan umat berbilang kaum tanpa mengira kedudukan, warna kulit mahupun kedudukan sosial. Institusi masjid adalah tempat bermulanya segala perpaduan.

Dalam satu kajian yang dijalankan berkenaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid pada 2015, penyelidik menyenaraikan beberapa peranan masjid dalam masyarakat. Pertama, sebagai pusat Islam, iaitu sebagai nadi penggerak dakwah Islamiah dalam masyarakat. Kedua, masjid sebagai mahkamah, iaitu segala aduan dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dirujuk kepada imam khususnya dalam hal-hal berkaitan agama. Ketiga, masjid sebagai pusat pendidikan, iaitu semua dijemput hadir tanpa mengira usia, jantina, status, warna kulit dan sebagainya (Farah et al. 2015). Dalam konteks hari ini, masjid perlu menjadi mesra kanak-kanak dan remaja dengan menghidupkan kembali peranan masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. Institusi masjid juga perlu maju ke hadapan mengikut peredaran zaman dan tuntutan semasa (Jamalia et al. 2017).

### **3. Pemeraksanaan Bahasa Arab.**

Usaha memperkasakan Imam-imam masjid perlu juga ditumpukan kepada bidang bahasa Arab. Namun, dapatan awal kajian Nur Hidayati (2014) mendapati Imam masjid menunjukkan sikap kurang kesedaran terhadap pembelajaran bahasa Arab dan beranggapan bahasa Arab tidak mempunyai kaitan dengan tugas mereka. Justeru, beliau berpandangan perlunya kajian untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sikap mereka untuk mempelajari bahasa Arab bagi meningkatkan kerjaya sebagai seorang imam masjid di samping mengkaji tahap penguasaan bahasa Arab bagi tujuan pembangunan sendiri dan mengetahui ciri-ciri modul pembelajaran bahasa Arab yang dikehendaki.

Bertitik tolak dari kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam ibadah terutamanya solat, imam masjid adalah di antara individu yang perlu menguasai serba sedikit ilmu berkaitan pembelajaran bahasa Arab. Ini kerana, para imam bukan sahaja perlu menjadi imam di dalam solat malahan mereka juga perlu memahami makna perkataan, mengetahui kesalahan ayat yang dibaca samada ketika solat atau semasa mengendalikan tugas seperti menyampaikan khutbah, membaca doa, menyampaikan ceramah, semasa memberi kuliah dan sebagainya.

Namun begitu terdapat beberapa masalah atau halangan yang timbul dalam proses pembelajaran dan penguasaan asas bahasa Arab dalam kalangan Imam masjid. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas mengenai sikap pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus, kajian mendapati golongan imam masjid masih kurang kesedaran mengenai kepentingan dan peranan bahasa Arab (Nur Hidayati, 2014). Dapatan kajian analisis kesalahan dalam khutbah Jumaat yang dilakukan Sa'aduddin Ahmad (2010) menunjukkan bahawa tahap penguasaan dan pemahaman bahasa Arab dalam kalangan imam masjid di tahap sederhana dan lemah dalam semua aspek Bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan mereka akan melakukan kesilapan dari aspek bahasa Arab ketika menyampaikan khutbah.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan jika seseorang Imam masjid bersikap positif, maka bahasa Arab dapat dipelajari dengan mudah dan dapat dipertingkatkan. Oleh itu, sikap imam masjid yang positif dalam pembelajaran bahasa Arab akan mempengaruhi pencapaian bahasa tersebut.

Kajian yang dijalankan Zainur Rijal (2007) juga menunjukkan tujuan pengajaran bahasa Arab di Malaysia ini mempunyai dua kepentingan iaitu menguasai bahasa itu sendiri dan memahami dan mengamalkan ajaran agama Islam. Sehubungan itu, Anzaruddin (2009) mencadangkan satu modul kursus bahasa Arab untuk tujuan memahami wahyu perlu segera dilaksanakan agar matlamat untuk melahirkan umat Islam yang memahami al-Quran dan al-Hadis berdasarkan pengetahuan dan penggunaan bahasa Arab dapat dicapai. Kedua-dua wahyu ini hanya dapat dihayati dan difahami dengan penguasaan bahasa Arab yang baik. Beliau juga menyatakan dengan memahami bahasa Arab maka golongan profesional tidaklah hanya memahami ilmu di dalam pelajaran mereka sahaja malahan mereka juga perlu menitik beratkan pengetahuan di dalam bahasa Arab supaya dapat memahami Al-Quran dan Al-hadith dengan lebih baik.

#### **4. Pemeraksanaan Kefahaman Fiqh.**

Sepertimana tumpuan dan penekanan yang diberikan dalam kursus-kursus yang dianjurkan, maka bidang Fiqh boleh disifatkan antara aspek yang paling utama untuk dititik beratkan. Antara unsur penting Fiqh yang perlu difahami dan dikuasai oleh imam ialah keistimewaan Fiqh Islam, hukum-hakam Solat, isu-isu khilafiah dalam solat dan sebagainya.

Berkenaan dengan keistimewaan Fiqh Islam, Mohd Rumaizuddin (2016) menaqqalkan daripada Syeikh Al-Qaradawi ciri-ciri dan keistimewaan Fiqh iaitu; Ianya bersumberkan wahyu (Al-Quran), berasaskan kepada nilai-nilai agama dan menampilkan ciri kemanusiaan yang memelihara kemuliaan manusia. Ia juga bersifat sempurna dan lengkap serta meliputi segala aspek kehidupan, ekonomi, sosial, politik seperti adab-adab makan dan pembinaan sebuah negara. Fiqh Islam dapat membentuk akhlak mulia. Oleh itu, Islam mengharamkan riba, zina, judi dan perkara yang merosakkan akhlak, Ia juga bercirikan kesederhanaan, keantarabangsaan serta mempunyai kaedah dan syarat dalam mengeluarkan hukum sama ada dengan qias, istihsan, istislah dan sebagainya.

Berkenaan dengan hukum hakam solat, Prof Wahbah Zuhaily (1984) menyenaraikan syarat sah menjadi imam, iaitu Islam, berakal, baligh, lelaki, suci dari hadas, benar dalam bacaan dan rukun Solat, tidak mengidap penyakit yang mengganggu kekhusyukan serta fasih dalam bacaan Al-Quran.

Imam juga perlu diperkasakan dalam aspek menangani isu-isu khilafiah dalam solat termasuk faktor-faktor berlakunya khilaf dan adab-adab dalam menghadapi isu khilafiah. Sohibus Samahah Dr Zulkifli Al-Bakri (2018), telah mengemukakan beberapa faktor berlakunya khilaf, antaranya ialah:

- a) Pemahaman terhadap bahasa Arab kerana bahasa arab ini kaya dengan kaedah-kaedah, uslub-uslub dan makna-maknanya.
- b) Manhaj al-Quran di dalam menyatakan ayat sesuatu hukum seperti terdapat ayat *mujmal*, *mufassal* dan sebagainya.
- c) Sunnah Nabi SAW tidak menjelaskan keseluruhan kandungan ayat-ayat al-Quran.
- d) Perbezaan para ulama' dalam menentukan hukum terhadap sesebuah hadith serta perbezaan manhaj dalam menerima sesebuah hadith.
- e) Dalil yang diperolehi bertentangan antara satu sama lain di dalam satu masalah.
- f) Kefahaman dari sudut perbuatan atau perintah Rasulullah SAW sama ada ia berbentuk wajib, sunat, harus dan sebagainya.
- g) Perbezaan dari sudut jenis dalil adakah ia boleh dijadikan hujjah ataupun tidak

Sementara itu, Zainul Rijal (2019) menyatakan kekaburan berlaku dalam kalangan umat Islam dalam memahami maksud *ijtihad*. Ada yang mengatakan bahawa *ijtihad* hanya berlaku dalam permasalahan yang tiada *nas*. Namun jika dirujuk kepada amalan para Sahabat dan ulama, *ijtihad* membawa maksud yang lebih umum iaitu mencakupi permasalahan yang ada nas dan tiada nas. Mazhab-mazhab fiqh yang empat iaitu Mazhab Shafie, Hanafi, Hambali dan Maliki menjadi ikutan khalayak awam dalam persoalan fiqh. Sebenarnya perbezaan pandangan yang menjurus kepada pertumbuhan mazhab-mazhab fiqh ini adalah manifestasi fleksibiliti undang-undang Islam itu sendiri. Namun kewujudan mazhab ini sering kali disalah ertikan oleh masyarakat umum. Ia kadangkala menjadi sumber perpecahan umat Islam. Tidak kurang juga daripada lipatan sejarah kita akan dapati umat Islam bersengketa kerana perbezaan pandangan dalam kalangan mereka.

Dalam menghadapi Khilafiah, Syeikh Qardhawi (1994) telah memberikan panduan-panduan penting berkaitan dengannya, iaitu: ikhlas niat dan menjauhi hawa nafsu, membebaskan diri dari sifat fanatik, bersangka baik pada orang lain, menjauhi perbuatan menghina atau merendah-rendahkan pihak yang berbeza pandangan, menjauhi percakapan yang kotor serta berdialog dengan Ihsan.

Imam-imam juga boleh menjadikan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor (2014) dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2016) sebagai rujukan dalam menangani isu-isu khilafiah.

Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor (2014):

1. Persoalan *khilafiyah* adalah perkara *ijtihad* dan tidak boleh sama sekali dihukumkan *bid'ah* kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama' muktabar sejak dahulu.

2. Pandangan jumbuh ulama' sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesar-besarkan perkara *khilafiyah* yang boleh mengugat perpaduan umat Islam

3. Di antara amalan yang di dakwa sebagai *bid'ah* adalah –

- Membaca Yaasin pada malam Jumaat
- Membaca tahlil dan talqin untuk si mati
- Mengadakan kenduri arwah
- Menyambut Maulid Al-Rasul pada 12 Rabiul Awwal setiap tahun
- Membaca Yaasin 3 kali di malam nisfu Syaaban
- Berdoa beramai-ramai selepas solat berjamaah
- Membaca wirid dan zikir secara kuat/nyaring beramai-ramai selepas solat fardu
- Membaca '*Basmalah*' secara kuat/nyaring dalam solat fardu
- Menyebut lafaz '*Usalli*' dalam niat solat
- Membaca qunut dalam solat Subuh
- Bersalaman selepas solat berjamaah
- Solat sunat sebelum solat Maghrib
- Solat sunat sebelum Jumaat
- *Fidyah* solat
- Terbatal *wudhu`* dengan sebab bersentuhan lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2016):

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan yang bersidang pada 31 Mei 2016 bersamaan 24 Syaaban 1437H telah bersetuju memutuskan Sighah Fatwa Bagi Persoalan Bid'ah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furuk seperti berikut:

1. Persoalan *khilafiyah* adalah perkara *ijtihadiah* dan tidak boleh sama sekali dihukumkan bid'ah kerana amalan tersebut telah diterima dan menjadi amalan ulama muktabar sejak dahulu.

2. Pandangan jumbuh ulama sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara asas dalam berdakwah dan tidak membesar-besarkan perkara *khilafiyah* yang boleh menggugat perpaduan umat Islam.

3. Antara amalan yang didakwa sebagai bid'ah adalah:

- Berdo'a beramai-ramai selepas solat berjema'ah
- Membaca wirid dan zikir secara kuat/nyaring beramai – ramai selepas solat fardhu
- Membaca “*Basmalah*” secara kuat / nyaring dalam solat fardhu
- Menyebut lafaz “*Usalli*” dalam niat solat
- Membaca qunut dalam solat subuh
- Bersalaman selepas solat berjema'ah
- Solat sunat qabliah Maghrib.
- Solat sunat qabliah Juma'at
- Terbatal wuduk dengan sebab bersentuhan kulit lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini.
- Menyapu muka selepas salam

Imam-imam juga perlu diperkasakan dalam permasalahan Fiqh yang berkaitan dengan solat seperti Solat Masbuq dan Muwafiq, Solat Atas Kerusi, Saf Kanak-kanak di Masjid dan sebagainya. Imam juga perlu didedahkan dengan kesilapan biasa yang berlaku dalam Solat, seperti yang disenaraikan oleh Jabatan Agama Islam Perak, iaitu: meninggalkan dan melengah-lengahkan solat, meninggalkan solat berjemaah, tidak *thuma'ninah* dan tidak khusyuk dalam solat, mendahului atau menyelisihii imam, memandang ke atas atau menoleh ke kiri dan ke kanan ketika solat, mengenakan pakaian nipis yang tidak menutupi aurat, tidak memakai tudung dan menutupi telapak kaki bagi wanita, melintas di depan orang yang sedang solat, tidak melakukan *takbiratul ihram* ketika mendapati imam sedang rukuk, tidak langsung mengikuti keadaan imam ketika masuk masjid dan sebagainya.

#### **5. Pemeraksanaan Institusi Imam.**

Persidangan Imam Peringkat Kebangsaan 2018 yang berlangsung pada 10 hingga 12 April 2018 di Kota Bharu, Kelantan telah menggariskan beberapa resolusi penting ke arah memperkasakan Institusi Imam. Antaranya:

- 1) Menjadikan masjid sebagai pusat penyatuan ummah dan institusi yang bebas daripada fahaman ekstrim dan sempit sebaliknya mempraktikkan sikap toleransi dalam meraikan perbezaan pendapat, idea dan budaya.
- 2) Menjadikan institusi masjid sebuah institusi yang berdaya saing dari aspek membekalkan informasi yang terkini, tepat dan berautoriti bagi mendepani serangan-serangan ideologi dan maklumat yang mengelirukan masyarakat

- 3) Memartabatkan profesionalisme imam dengan mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan dari segenap sudut bukan sahaja dari aspek ilmu pengetahuan agama bahkan mencakupi pengurusan, pentadbiran, kewangan dan teknologi maklumat melalui peluang dan galakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi;
- 4) Memperkenalkan Anugerah Tokoh Imam sempena sambutan hari kebesaran Islam sebagai tanda pengiktirafan terhadap sumbangan dan peranan imam dalam pembangunan institusi masyarakat

Imam masjid mempunyai kedudukan, peranan dan fungsi yang sangat penting, bukan sahaja memakmurkan masjid, tetapi juga dalam membina, mengembang dan memajukan masyarakat Islam yang merupakan jemaah masjid. Bahkan, mereka juga menjadi tempat rujukan bagi permasalahan umat (Fathul Bari, 2012). Seorang imam dan pegawai masjid perlu menunjukkan contoh akhlak dan teladan yang baik kepada ahli kariah. Sekiranya keburukan yang dipamerkan, ia akan mengundang rasa kurang senang dan akan menjadi fitnah yang berpanjangan bukan sahaja kepada individu tetapi kepada organisasi masjid itu sendiri.

Oleh yang demikian, Imam masjid perlulah mempunyai kepimpinan, pengetahuan dan wawasan yang luas serta mampu menyelesaikan masalah kemasyarakatan dengan sebaik mungkin (Hailan & Rofishah, 2016). Imam juga perlu mempunyai pengetahuan pengurusan dan kepimpinan selain daripada pengetahuan agama. Ini membolehkan mereka dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik serta berjaya menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat menarik minat masyarakat untuk ke masjid (Suhaila et al 2015).

Sehubungan itu juga, sebagai sebahagian dari usaha memperkasakan Imam, proses pemilihan dan pelantikan imam untuk sesebuah masjid perlu dititikberatkan. Ini kerana imam yang berkaliber memainkan peranan penting dalam menarik minat dan mendekatkan masyarakat kepada masjid terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam kini yang sering didedahkan dengan model-model dan selebriti-selebriti ternama. Dalam masa yang sama Imam adalah model personaliti kepada seluruh masyarakat Islam yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan mereka.

Selain itu, penganjuran kursus-kursus profesionalisme Imam perlu diperluaskan dan diperbanyakkan kerana banyak memberi manfaat dalam pemeraksanaan Imam-imam masjid. Sebagai contoh, Kursus Profesionalisme Imam yang dianjurkan oleh Institut Latihan Islam Malaysia menerusi Kluster Sains Dakwah dan Pengurusan Masjid pada 2 hingga 4 Julai 2018 telah memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran pegawai mengenai tatacara profesion Imam, fiqh al-Solah, kaedah hafazan al-Quran, panduan wirid, doa dan tahlil serta penyampaian khutbah.

Pendedahan seperti ini sangat penting dalam memastikan Imam berperanan bukan sahaja untuk mengimamkan atau mengetuai sembahyang, malah menjadi pakar rujuk berkaitan ilmu keagamaan dan sosial yang dapat meninggikan taraf masyarakat dari segi pengetahuan, kesihatan, kekeluargaan dan semangat perpaduan. (Lukman, 2018).

## 6. Kesimpulan

Kewajipan sebagai Imam bukanlah merupakan suatu kemegahan atau kebanggaan, ia juga bukanlah merupakan suatu tugas yang mudah, bahkan ia merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Justeru, Imam perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan keperluan-keperluan semasa dari aspek keilmuan dan kemahiran khususnya yang berkaitan dengan pengukuhan dan penguasaan Bahasa Arab serta kefahaman dalam bidang Fiqh. Pengukuhan dan penguasaan dalam kedua-dua bidang Ilmu ini diyakini mampu meningkatkan dan memperkasakan lagi peranan dan fungsi para Imam.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, T., & Mahfuzah, M. Z. (2010). Peranan institusi masjid untuk merealisasikan konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid, 103-104.
- Ahmad Sa'aduddin Wahab, Ahmad Fauzee Abdullah and Burhanuddin Wahab (2013), Modul Pengukuhan Bahasa Arab Untuk Imam, Institut Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Al-Qaradawi, Yusuf (1994). *al-Sahwah al-Islamiyyah bayn al-ikhtilaf al-mashru` wa al-tafarruq al-madhmum dirasah fi fiqh al-ikhtilaf fi daw' al-nusus wa al-maqasid al-shar` iyyah*. Cet. ke-5. Kaherah : Dar al-Sahwah
- Arieff Salleh bin Rosman, (2016), Pemahaman Terhadap Metodologi Ikhtilaf Fiqhi Ke Arah Menyelesaikan Isu Fanatisme, Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Vol. 7 2016
- Farah Ilyani binti Zakaria, Mohd Aderi bin Che Noh & Khadijah Abdul Razak, (2015), Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid (PPBM): Ke Arah Memperkasakan Pendidikan Berasaskan Tauhid, Journal of Islamic and Arabic Education 7(1), 2015 10-22, ISSN 1985-6326
- Hailan, S. & Rofishah, R. (2016). Tahap Amalan Kepemimpinan Pengerusi Masjid Di Terengganu. Journal of Business and Social Development, 4(1), 65-77.
- Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari, Raja Nafida Raja Shahminan, (2017), Ke Arah Membangunkan Masjid Mesra Remaja , e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017)
- Mohd Rumaizuddin Ghazali, (2016), Al-Qaradawi dan pembaharuan Fiqh, <http://www.mindamadani.my/kuliah/pemikiran-al-qaradawi/item/231-al-qaradawi-dan-pembaharuan-fiqh.html>
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man, (2016), Pemeraksanaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari, Volume 5 Issue 2 2016 e-Academia Journal UiTMT (<http://journale-academiauitmt.edu.my/>).
- Nur Hidayati Mohd Rafy, Zamri Arifin, (2014), Sikap Imam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Tujuan Pembangunan Kerjaya, Prosiding Seminar Pengajaran &

- Pembelajaran Bahasa Arab 2014, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA • ISBN 978-967-5478-78-9
- Suhaila Nadzri, Norzalina Zainudin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mokhtar, Nor Rosmawati Abdul Karim, Nazifah Mustaffha, (2015), Keperluan Pendidikan Formal Kepada Imam-Imam Di Malaysia: Nilai Tambah Kepada Kerjaya Sebagai Imam, Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2015).
- Wahbah Al-Zuhaily, (1984), *Al-Fiqh Al-Islami Wa-Adillatuh Al-Shamil Lil-Adillah Al-Shar'iyah Wa-Al-Ara' Al-Madhabiyah* (Damaskus, 1984, h. 174-182)
- Zainul Rijal Abu Bakar, (2019), Kesatuan dalam perbezaan fiqh, <https://www.sinarharian.com.my/article/18109/KOLUMNIS/Kesatuan-dalam-perbezaan-fiqh>.